

15/11/1997

NGO asing peralat pertubuhan tempatan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ada pertubuhan dan individu tempatan dikatakan diperalat oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) asing untuk melengahkan projek kerajaan yang bertujuan membantu pengguna.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub, berkata beliau akan memastikan persatuan pengguna tempatan tidak dipengaruhi NGO asing itu.

Katanya, beliau akan mengadakan pertemuan dengan wakil persatuan pengguna tempatan dari semasa ke semasa untuk memastikan mereka tidak mengeluarkan kenyataan membuta tuli sebelum mendapatkan penjelasan pihaknya.

"Persatuan pengguna tidak harus menimbulkan isu yang boleh menjejaskan pelaksanaan projek kerajaan dan akhirnya pengguna menjadi mangsa," katanya.

Megat Junid menasihatkan orang ramai membeli barangan buatan tempatan dan menghentikan amalan memberi barangan berjenama import yang kononnya lebih bermutu.

"Marilah kita melancong ke Langkawi, Tioman dan Pulau Redang daripada melancong ke Hong Kong, Bali dan Australia," katanya selepas majlis sambutan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan, hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah termasuk Tokoh Pengguna 1996 yang dimenangi oleh Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Prof Madya Dr Halimah Ahmad dari Universiti Putra Malaysia. Beliau menerima wang tunai RM2,000, pingat dan sijil penghargaan.

Anugerah yang baru diperkenalkan tahun ini iaitu Ibu Tunggal Cemerlang dimenangi oleh Amran Tenku Raja, dari Ayer Tawar, Perak yang mendapat wang tunai RM3,000, sijil dan hamper.

Tempat kedua ialah Maznah Yacob dari Merlimau, Melaka yang menerima RM2,000, sijil dan hamper. Tempat ketiga ialah Ajaib Kaur dari Tampin, Negeri Sembilan yang menerima RM1,000, sijil dan hamper.

Anugerah ini bagi mengiktiraf kegigihan ibu tunggal yang berjaya menyara anak dan membimbing mereka sehingga berjaya dalam aspek akademik dan tidak terbabit dalam gejala sosial.

Anugerah Kelab Pengguna Sekolah Terbaik dimenangi oleh Sekolah Menengah Teknik, Kangar; Sekolah Menengah Ibrahim Fikri, Kuala Terengganu (kedua); dan Sekolah Menengah Zainab, Kota Bharu (ketiga).

Tempat pertama anugerah Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Paling Aktif dimenangi daerah Seberang Prai Selatan, Pulau Pinang; Limbang, Sarawak (kedua); dan Kuantan, Pahang (ketiga).

(END)